

**KAJIAN ETNOBOTANI TERHADAP MASYARAKAT TEMPATAN DI DUA
LOKASI, KUALA PILAH DAN ALOR GAJAH**



MEI 2004

i

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih di ucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi membolehkan penyelidikan ini disiapkan dengan sempurna.

Di antaranya :

Prof. Madya Datuk Dr. Tengku Jamaluddin Tengku Mahmud Shah Al-Haj
Pengarah UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Malaysia

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kuala Pilah

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Alor Gajah

Datuk Batin Ketos Bin Munkin
Datuk Batin Bukit Langkap, Kuala Pilah

Datuk Batin Bata Bin Wahid
Datuk Batin Bukit Payong, Alor Gajah

Encik Sulak Bin Panglima Besar
Pengerusi JKKK Bukit Langkap, Kuala Pilah

Encik Nawawi Bin Long
Pembantu Makmal UiTM Negeri Sembilan

dan

Semua penduduk perkampungan orang asli kaum Temuan yang telah memberikan kerjasama di dalam menjayakan penyelidikan ini.

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
i. Tajuk	i
ii. Surat Penyerahan Laporan	ii
iii. Daftar Ahli Penyelidik	iii
iv. Penghargaan	iv
v. Isi Kandungan	v
vi. Senarai Jadual	vii
vii. Senarai Plat A	viii
viii. Senarai Plat B	x
viii. Abstrak	xi
1.0 Pengenalan	1
1.1 Objektif Penyelidikan	3
2.0 Semakan Literatur	5
2.1 Masyarakat Orang Asli	6
2.2 Kajian Etnobotani Masyarakat Temuan	10
2.2.1 Pengecaman Tumbuhan oleh Kaum Temuan	10
3.0 Bahan dan Kaedah Penyelidikan	12
3.1 Skop Penyelidikan	12
3.2 Definisi Terma	12
3.3 Kaedah Penyelidikan	13
3.3.1 Pengumpulan dan Pengecaman Spesies	13

KAJIAN ETNOBOTANI TERHADAP MASYARAKAT TEMPATAN DI DUA LOKASI, KUALA PILAH DAN ALOR GAJAH

ABSTRAK

Kajian etnobotani dilakukan terhadap dua perkampungan orang asli Temuan di dua negeri iaitu, Bukit Langkap, Kuala Pilah dan juga Bukit Payong, Alor Gajah. Skop kajian tertumpu kepada penyampelan tumbuhan, pengkategorian secara emik terhadap penamaan tumbuhan ubatan dan aplikasi tumbuhan ubatan yang terdapat di dalam hutan sekitar perkampungan ini. Kepelbagaian spesies dapat dikenalpasti di kedua-dua tapak kajian. Sebanyak 52 spesies tumbuhan telah dapat dikenalpasti samada secara emik ataupun secara saintifik yang biasanya digunakan oleh masyarakat orang asli Temuan untuk merawat penyakit-penyakit tertentu. Sebanyak 32 koleksi herbarium dapat dihasilkan dan akan dijadikan sebagai inventori kekal tumbuhan. Koleksi ini penting dalam mengekalkan koleksi hazanah hutan daripada hilang.

1.0 PENGENALAN

Kajian etnobotani merujuk kepada kajian interaksi antara manusia dengan tumbuhan. Ia memerihalkan saling tindakan antara individu atau sesuatu masyarakat tempatan dengan tumbuhan di sekeliling mereka dari segi penggunaannya dalam corak kehidupan yang pelbagai. Masyarakat tempatan merujuk kepada golongan pribumi atau masyarakat yang ada hubungan erat dengan hutan dan arif dengan kegunaan tumbuhan (Martin, 1998).

Dokumentasi kajian etnobotani perlu dalam penyenaian jenis tumbuhan yang hadir di sesuatu lokasi, penggunaannya dalam pelbagai fungsi dan tatacara penggunaan tumbuhan tersebut. Kajian etnobotani juga meninjau pengubahsuaian vegetasi di perkarangan rumah hingga ke hutan sekunder berhampiran dengan majoriti tumbuhan berguna yang boleh didapati samada untuk kegunaan sendiri atau tujuan komersil. Inventori-inventori ini adalah sangat berguna sebagai dokumentasi kekal sebelum tumbuhan-tumbuhan ini hilang untuk selamanya.

Kajian ini merupakan kajian awal dari pendekatan etnobotani yang masih belum dilakukan iaitu di Bukit Langkap, Kuala Pilah dan Bukit Payung, Alor Gajah. Kedua-dua lokasi ini dipilih secara rawak dengan bantuan dan cadangan daripada Jabatan Orang Asli dan Pejabat Daerah. Di masa hadapan, kajian seumpama ini boleh dilakukan di beberapa lokasi yang lain pula.